

Petugas PAS diserang, seorang cedera parah
Malaysiakini.com
Apr 28, 2007
Fauwaz Abdul Aziz

PAS mendakwa tiga aktivis parti itu telah diserang – seorang daripada cedera parah – selepas anggota Gerak Gempur Pemuda Umno membelasah mereka dengan kayu dan benda keras awal pagi ini.

Anggota Gerak Gempur itu dikatakan menyerang mereka selepas mendapati seorang ahli Pemuda PAS, Nazar Latif, dan tiga orang lagi, memasang poster menyokong Parti Keadilan Rakyat (PKR) di depan bilik operasi Umno di Simpang Ijok.

Menurut seorang ahli PAS, Mohd Azmi Anwar, dari jawatankuasa keselamatan parti itu bagi Kuala Selangor, Nazar dipukul bertalu-talu, menyebabkan kepalanya berdarah.

"Dia berada di Hospital Sungai Buluh untuk rawatan," tambah Azmi ketika dihubungi.

Laporan polis

Turut diserang ialah petugas Pemuda PAS Mohd Shah Moin, yang pengsan akibat dipukul oleh penyerangnya. Manakala seorang lagi, Borhan Osman, dikatakan ditolak ke dalam longkang. Dua lagi, bagaimanapun, cedera ringan.

Berikutan itu, satu laporan polis dibuat di balail Batang Berjuntai.

Simpang Ijok merupakan antara empat kawasan majoriti Melayu di Dewan Undangan Negeri (DUN) Ijok. Pilihanraya kecil Ijok menyaksikan pertandingan antara calon Barisan Nasional (BN), K Parthiban dengan calon PKR, Tan Sri Khalid Ibrahim.

Dalam pilihanraya umum 2004, pembangkang mendapat separuh daripada undi di kawasan Jaya Setia - tempatan majoriti penduduk Melayu. PKR juga mendapat undi majoriti di Kampung Ijok dan Bukit Badong.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/66589>